

Johor bersiap hadapi banjir

» Makanan dihantar ke pedalaman, pulau sering terputus hubungan

► Ledang

Kerajaan Johor mula menghantar bekalan makanan kepada penduduk di kawasan pulau dan pedalaman negeri ini yang sering terputus hubungan akibat banjir sebagai persiapan awal menghadapi musim tengkujuh.

Menteri Besar, Datuk Abdul

Ghani Othman, berkata pihaknya sudah memilih kedai yang akan membekalkan makanan bagi memastikan penduduk terabit bencana itu tidak terputus bekalan.

Kenal pasti tempat

"Kita sudah mengenal pasti tempat untuk dijadikan pusat pemindahan mangsa banjir dan melengkapkan segala kemudahan logistik supaya bantuan kepada mangsa banjir mudah dilakukan," katanya selepas majlis Korban Perdana Parlimen Ledang, di sini semalam.

Abdul Ghani berkata, kerajaan negeri menerima maklumat daripada Jabatan Meteorologi mengenai ramalan kadar hujan di negeri ini yang dijangka lebih tinggi daripada

paras biasa tahun ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya sedang menunggu laporan terkini mengenai ramalan cuaca dari jabatan berkenaan dari semasa

“

Kita mengenal pasti tempat dijadikan pusat pemindahan mangsa banjir dan lengkapkan kemudahan logistik supaya bantuan kepada mangsa banjir mudah dilakukan”

Abdul Ghani Othman,
Menteri Besar Johor

ke semasa untuk panduan.

Penduduk berhati-hati

Katanya, semua penduduk di kawasan yang mudah dinaiki air dinasihatkan lebih berhati-hati terhadap sebarang kemungkinan dan mereka perlu segera berpindah sekiranya diarahkan oleh pihak berkuasa.

Terdahulu, 31 daripada 43 lembu yang diperuntukkan bagi program korban sempena Aidiladha disembelih di kawasan masjid terabit.

Pada majlis itu, Abdul Ghani yang juga Ketua UMNO Bahagian Ledang menerima sumbangan tujuh lembu dan bayaran zakat RM35,000 daripada Bank SME untuk disalurkan kepada penduduk di lima kampung. **BERNAMA**